

# Pelajar perubatan tidak capai

## standard tidak benar, kata Kamarudin

DE 11/6/2012 7  
Jason Santos

KOTA KINABALU: Timbalan Dekan Sekolah Perubatan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr D Kamarudin D Mudin (gambar) berkata, segalanya baik dengan graduan kami.

"Setakat ini tidak ada masalah dengan pelajar perubatan kami. Malah sebahagian daripada pelajar kumpulan pertama yang tamat pengajian pada 2008 telah menjadi ahli pakar."

"Dakwaan bahawa pelajar kami tidak menepati standard adalah tidak benar," katanya pada Sabtu lalu.

Beliau memberi jaminan itu berikutan pendedahan Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Mohd Yusof Hj Ibrahim bahawa separuh daripada 500 doktor pelatih di Sabah diberi posting berulang. Kebanyakan daripada mereka dari institusi asing.

Dr Yusof memberi alasan yang para doktor pelatih itu mengalami kejutan budaya dengan suasana bekerja di hospital-hospital kerajaan dan tidak dapat memenuhi kerja tersebut.

Bekas Menteri Kesihatan, Datuk Chua Soi Lek mendakwa, para doktor pelatih sekarang ini lebih mementingkan glamor berbanding kerja.

Dr. Kamarudin mengakui UMS mempunyai pelajar yang akhirnya digugurkan: "Kerana kami menasihatkan mereka supaya mencari kerjaya lain. Kami tidak boleh memaksa mereka."

"Kami mengadakan program seperti apa yang dipanggil "Mentor-Mentee" dan mereka memperoleh keputusan yang baik tetapi kami dapatkan mereka tidak menepati disiplin."

"Jadi kami menasihatkan mereka 'adalah kamu muah meneruskannya?' Jadi mereka beralih, sekarang ini ada antara mereka yang menjadi guru atau menceburi lain-lain kursus," kata Dr Kamarudin, sambil menambah, hanya kira-kita dua atau tiga pelajar yang telah



berbuat demikian setakat ini.

Beliau berkata, sekolah itu juga cuba membantu pelajar yang gagal tetapi mereka hilang minat dan memilih program lain.

"Mereka tidak digugurkan, cuma menukar kursus," jelas beliau.

Dr Kamarudin berkata, beliau tidak pasti mengenai standard pendidikan universiti asing tetapi Sabah yang menghadapi masalah kekurangan doktor, mungkin tidak mempunyai pilihan tetapi untuk mengambil mereka.

"Untuk melahirkan doktor yang baik bergantung kepada pensyarah di manapun negara tetapi kita memerlukan beberapa doktor antarabangsa untuk terlibat dalam kesihatan kebangsaan," tambahnya.

Sejak 2008 Sekolah perubatan UMS telah melahirkan 210 doktor perubatan, dengan hanya 31 pelajar dalam pengambilan pertamanya pada 2003.

Sehingga kini, sekolah itu juga telah mengeluarkan 71 graduan kejururawatan diploma.